

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

ANALISIS DATA :

PENGABAIAIN SOLAT FARDU DI KALANGAN REMAJA ; KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH DI SEKITAR DAERAH PASIR PUTEH , KELANTAN .

4.1 Pendahuluan

Untuk melihat sejauhmana tahap pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja Islam di sekolah – sekolah menengah di sekitar Daerah Pasir Puteh , penulis menggunakan pelbagai metod penyelidikan seperti metod soal selidik , observasi dan temubual untuk mendapatkan kesahan maklumat dan data - data yang diperlukan .

Di antara metod – metod tersebut metod soal selidik dianggap sebagai sumber data yang utama untuk menganalisis data . Untuk itu , penulis telah mengedarkan sebanyak 490 keping borang soal selidik dan borang yang telah dikembali semula kepada penulis ialah sebanyak 467 keping . Hal ini adalah disebabkan oleh sesetengah pelajar yang tidak mahu mengembalikan semula borang tersebut kepada penulis dan satu sebab yang dapat diketengahkan di sini adalah kerana mereka tidak mahu memberi jawapan yang sebenar kepada penulis terutama tentang maklumat- maklumat yang diperlukan oleh penulis berkenaan dengan masalah mereka meninggalkan Solat Fardu¹ .

¹ Observasi penulis terhadap tingkah laku responden semasa menjawab borang soal selidik yang diedarkan pada bulan Ogos 2003 .

Secara amnya , penulis telah membahagikan responden kepada dua kategori iaitu pelajar – pelajar Sekolah Menengah Kementerian dan pelajar – pelajar Sekolah Menengah Agama (Arab) Yayasan Islam Kelantan (YIK). Dalam mengedarkan borang soal selidik ini , penulis telah membuat anggaran yang sama rata untuk setiap tingkatan iaitu bagi setiap tingkatan penulis mengedarkan di antara 27- 35 borang selidik yang melibatkan pelajar – pelajar lelaki dan perempuan . Untuk Sekolah – Sekolah Kementerian , penulis telah memilih sebanyak 7 buah sekolah dengan mengambil sebanyak 7 tahap pengajian yang bermula dari tingkatan 1 hingga tingkatan 6 atas . Manakala sekolah – sekolah Arab Yayasan Islam Kelantan penulis telah memilih sebanyak 9 buah sekolah dengan mengambil sebanyak 8 tahap pengajian yang bermula dari tingkatan Peralihan hingga tingkatan 6 atas

4.2. Pengenalan Daerah Pasir Puteh

Negeri Kelantan adalah salah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia. Ia terletak di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu dengan keluasan 14 , 922 km. persegi atau 1,492,200 hektar . Negeri ini terbahagi kepada 10 buah jajahan dan 63 buah daerah. Setiap Jajahan diketuai oleh seorang ketua jajahan dan setiap daerah diketuai oleh seorang penggawa.

Sepuluh buah jajahan ini ialah Kota Bharu , Pasir Puteh , Pasir Mas , Bachok , Machang , Tumpat , Tanah Merah , Kuala Krai , Jeli dan Gua Musang. Jajahan yang paling luas ialah jajahan Gua Musang iaitu seluas 8 ,104 km. persegi manakala jajahan yang paling sempit ialah jajahan Tumpat iaitu seluas

168 km Persegi ². Lokasi penulis dalam menjalankan kajian ini adalah tertumpu kepada remaja Islam yang belajar di sekolah- sekolah menengah di sekitar Daerah Pasir Puteh .

Sebagai pengenalan , Pasir Puteh adalah di antara 10 buah jajahan yang terletak dalam negeri Kelantan . Ia mempunyai keluasan 433 km persegi dan mempunyai penduduk seramai 1,11850 orang . 96.96 % atau 108,450 orang daripada jumlah penduduknya adalah kaum Melayu , 1.18 % atau 1,330 kaum Cina , 0.05 % atau 960 warga asing dan 0.95 % atau 1,060 orang adalah lain-lain kaum.³

Jajahan ini diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) dan ia diketuai oleh seorang Ketua Jajahan .Di bawahnya pula terdapat 8 Daerah penggawa dan 63 Mukim penghulu. Setiap daerah diketuai oleh seorang penggawa dan setiap mukim diketuai oleh seorang penghulu.

Nama- nama daerah di bawah pentadbiran Majlis Daerah Pasir Puteh adalah seperti berikut :

1. Daerah Limbongan
2. Daerah Padang Pak Amat
3. Daerah Bukit Abal
4. Daerah Bukit Jawa
5. Daerah Jeram

² Abd. Razak Mahmud (1995) , *Pelajaran Tata Rakyat Negeri Kelantan (1)* , c. 1. Kota Bharu : Percetakan dan Perniagaan Nik Daud Sdn. Bhd. , h.1.

³ Lihat laporan Majlis Daerah Pasir Puteh (2002) yang disediakan oleh En. Samsudin b. Awang . Pegawai Pembantu Am Rendah , Majlis Daerah Pasir Puteh.

6. Daerah Gong Datok
7. Daerah Bukit Awang
8. Daerah Semerak

Bandar Jajahan ini ialah Bandar Pasir Puteh yang terletak di tebing Sungai Semerak iaitu kira-kira 30 km ke selatan Kota Bharu. Dari aspek sejarah , Bandar ini terkenal kerana kepahlawanan Tok Janggut. Di bandar inilah pahlawan Melayu yang masyhur itu memulakan pemberontakan menentang pemerintahan Inggeris di negeri Kelantan.

4.3. Sekolah – Sekolah Menengah di Daerah Pasir Puteh

Sepertimana negeri- negeri lain di Malaysia , pentadbiran dan pengurusan sekolah-sekolah di negeri Kelantan secara amnya dapat dibahagikan kepada dua bahagian :

Pertama ; Sekolah - sekolah Kebangsaan dan Sekolah- sekolah Menengah Kebangsaan yang ditadbir dan diurus oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) . Menurut struktur pentadbiran pendidikan KPM ⁴ , Jentera pentadbiran pendidikan di peringkat negeri dapat dibahagikan kepada dua iaitu Pejabat Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah.(PPD) . Jabatan Pendidikan Negeri berperanan sebagai pelaksana dasar dan perancangan yang dibuat di peringkat persekutuan sementara Pejabat pendidikan Daerah berperanan sebagai sokongan kepada sistem pentadbiran negeri dan ia menjadi penghubung antara sekolah- sekolah dan Jabatan pendidikan Negeri.

⁴ Eh Ah Meng (2000) , *Pendidikan di Malaysia I- Falsafah Pendidikan , Guru dan Sekolah* . c 2 Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd. , h. 291.

Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN) adalah bertanggungjawab mentadbir seluruh sekolah- sekolah Kementerian Pendidikan (KPM) di seluruh negeri Kelantan sementara Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Puteh –Bachok pula bertanggungjawab menyelia dan mentadbir sekolah- sekolah Kementerian Pendidikan di sekitar Daerah Pasir Puteh dan Bachok.

Berdasarkan kepada maklumat dan data yang diperolehi dari Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN), pada masa ini terdapat 38 buah sekolah kebangsaan dan 10 buah sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia di daerah Pasir Puteh⁵

Senarai penuh sekolah – sekolah Menengah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di daerah ini adalah seperti berikut :

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jawa.
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Cherang Ruku.
3. Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ismail.
4. Sekolah Menengah Kebangsaan Gaal.
5. Sekolah Menengah Kebangsaan Jeram.
6. Sekolah Menengah Kebangsaan Kamil.
7. Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Pak Amat.
8. Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Maharaja.
9. Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Janggut.
10. Sekolah Menengah Sains Pasir Puteh.

⁵ Lihat buku *nama , alamat & nombor telefon sekolah- sekolah Kelantan 2003* disediakan oleh Unit Perhubungan dan Pendaftaran , Jabatan Pendidikan Kelantan.

Kedua ; Sekolah – sekolah Menengah Agama (Arab) yang diurus dan ditadbir oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK) ⁶. Bahagian Pendidikan YIK bertanggungjawab sepenuhnya mentadbir dan mengurus seluruh sekolah – sekolah agama (Arab) di bawah kelolaan YIK . Taraf sekolah YIK pula dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Sekolah Menengah Agama (Arab) Kerajaan dan Sekolah Menengah Agama (Arab) bantuan Kerajaan . Di Daerah Pasir Puteh , hanya terdapat sebuah sekolah YIK sahaja yang bertaraf SMU (A) Kerajaan iaitu SMU (A) Saniah dan selebihnya adalah SMU (A) bantuan Kerajaan.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Pejabat Pendidikan Yayasan Islam Kelantan , pada masa ini terdapat 11 buah Sekolah Menengah Agama (Arab) yang ditadbir oleh Yayasan Islam Kelantan di Daerah Pasir Puteh.⁷

Senarai penuh sekolah- sekolah Menengah Agama (Arab) Yayasan Islam Kelantan di daerah ini adalah seperti berikut :

1. Sekolah Menengah Agama (Arab) Saniah.
2. Sekolah Menengah Agama (Arab) Tar , Islamiah , Kg. Lepah.
3. Sekolah Menengah Agama (Arab) Tarbiah Diniah , Gong Kemuning.
4. Sekolah Menengah Agama (Arab) Ittifakiah , Kg. Telosan.
5. Sekolah Menengah Agama (Arab) Nurul Huda , Bukit Yong.
6. Sekolah Menengah Agama (Arab) Khairiah , Padang Pak Amat.

⁶ Lihat buku panduan tugas guru - guru dan kaki tangan sekolah , sekolah- sekolah Yayasan Islam Kelantan.

⁷ Lihat senarai sekolah- sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) di seluruh negeri Kelantan , Bahagian Pendidikan YIK .

7. Sekolah Menengah Agama (Arab) Nurul Ittifak , Nering.
8. Sekolah Menengah Agama (Arab) Diniah , Permatang Rambai.
9. Sekolah Menengah Agama (Arab) Nurul Hidayah , Tualang Tinggi.
10. Sekolah Menengah Agama (Arab) Nahdatul Islamiah , Jelor.
11. Sekolah Menengah Agama (Arab) Nurul Falah , Cherang Ruku.

Untuk tujuan Kajian , penulis hanya memilih beberapa buah sekolah Menengah sahaja yang terdiri daripada Sekolah- Sekolah Menengah Kementerian dan Sekolah -Sekolah Menengah Agama (Arab) Yayasan Islam Kelantan .

Senarai sekolah-sekolah menengah yang dipilih menurut daerah, lokasi serta tingkatan adalah seperti yang berikut :

Bil.	Daerah	Sekolah-Sekolah Men. Kem.Pend. Malaysia (KPM)	Tingkatan	Sekolah - Sekolah Men. Aga. (Arab) Yayasan Islam Kelantan (YIK)	Tingkatan
1.	Daerah Bukit Jawa	1. SMK. Bkt. Jawa	Tingkatan 4	1.SMU (A) Lepah 2.SMU (A) Tualang Tinggi	Peralihan* Tingkatan 1,2 & 3
2.	Daerah Bukit Abal	2. SMK. Bkt. Abal	Tingkatan 3	3.SMU (A) Permatang Rambai	Tingkatan 5
3.	Daerah Pdg. Pak Amat	—	—	4.SMU (A) Khairiyah , Padang Pak Amat	Tingkatan 6 Rendah
4.	Daerah Limbongan	3.SMK. Tok Janggut 4.SMK. Kamil	Tingkatan 6 Atas Tingkatan 6 Bawah	5.SMU (A) Saniah 6.SMU (A) Jelor	Tingkatan 6 Atas Tingkatan 1 & 2
5.	Daerah Jeram	5.SMK. Jeram	Tingkatan 1	7.SMU (A) Telosan	Tingkatan Peralihan & Ting. 1
6.	Daerah Semerak	6.SMK. Cherang Ruku	Tingkatan 2	8.SMU (A) Nur al-Falah	Tingkatan 3
7.	Daerah Gong Datok	7.SMK .Gaal	Tingkatan 5	9.SMU (A) Bkt. Yong	Tingkatan 4
JUMLAH		7 buah Sekolah	7 Tingkatan	9 buah sekolah	8 Tingkatan

* Tingkatan peralihan ialah pra - tingkatan 1 di sekolah - sekolah Menengah Agama (Arab) Yayasan Islam Kelantan .

Untuk mendapatkan ketepatan maklumat , penulis telah membahagikan soalan – soalan soal selidik ini kepada beberapa bahagian utama agar penulis dapat menganalisis data dengan lebih berkesan :

BAHAGIAN I ; Latar belakang responden . ; penulis mengambilkira beberapa kriteria responden seperti jantina , umur , tingkatan , aliran pengajian dan lakosi tempat tinggal responden .

BAHAGIAN II ; Pengetahuan asas tentang hukum Solat Fardu ; penulis mengambil data yang berhubung dengan status diri responden , usia mendirikan solat , faktor dan sumber mendirikan solat serta sikap responden dalam mengerjakan Solat Fardu .

BAHAGIAN III ; Hukum pengabaian Solat Fardu ; penulis memfokuskan kepada bilangan solat yang dikerjakan oleh responden , kekerapan meninggalkan solat , jenis solat yang sering diabaikan , faktor meninggalkan solat serta tindakan responden apabila meninggalkan solat .

BAHAGIAN IV ; Kesan – kesan meninggalkan solat ; penulis memfokuskan kepada kesan meninggalkan solat , perasaan apabila mengerjakan solat , perasaan apabila meninggalkan solat serta keazaman responden apabila meninggalkan solat .

4.3.1. LATAR BELAKANG RESPONDEN .

Jadual 1 : Jantina responden

BIL.	JANTINA	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Lelaki	107	99	206
2.	Perempuan	133	128	261
	JUMLAH	240 (51. 4 %)	227 (48.6 %)	467 (100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan jumlah responden menurut bilangan jantina . Jumlah keseluruhan responden ialah sebanyak 467 orang . Daripada jumlah tersebut , bilangan responden lelaki ialah 206 orang manakala bilangan responden perempuan ialah 261 orang . Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas adalah jelas bahawa bilangan responden perempuan melebihi bilangan responden lelaki dengan perbezaan sebanyak 55 orang .

Secara umumnya , perbezaan di atas memberi pertunjuk bahawa nisbah bilangan kaum wanita adalah lebih ramai berbanding kaum lelaki pada ketika ini . Ia mungkin merujuk kepada *sunnatulah* di akhir zaman bahawa bilangan kaum wanita melebihi bilangan kaum lelaki . Pengalaman penulis berkunjung ke sekolah- sekolah menengah di sekitar Daerah Pasir Puteh sama ada di sekolah – sekolah Menengah YIK atau sekolah – sekolah

Menengah Kementerian , penulis dapat bahawa secara majoritinya pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki di setiap tingkatan dan kelas .

Sungguhpun demikian , penulis berpendapat bahawa faktor jantina tidaklah menjadi ukuran penting untuk menentukan sejauh mana komitmen seseorang remaja Islam dalam melaksanakan setiap kewajipan Syāra' seperti dalam hal penunaian ibadat Solat Fardū . Sebaliknya , faktor kesedaran diri dan rasa tanggungjawab sebagai seorang muslim adalah di antara faktor-faktor yang akan menentukan sama ada seseorang remaja itu komited atau tidak dalam melaksanakan setiap suruhan Allah atau meninggalkan larangan-Nya .

Jadual 2 : Umur responden

BIL.	UMUR	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	12 – 14 tahun	69	58	127
2.	15 – 17 tahun	85	100	185
3.	18 – 19 tahun	47	66	113
4.	Lain – lain	39	3	42
JUMLAH		240(51.4 %)	227(48.6 %)	467(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan peringkat-peringkat umur di antara responden . Berdasarkan kepada jadual di atas didapati bahawa bilangan pelajar yang paling ramai ialah pelajar-pelajar yang mencecah umur di antara

umur 15 – 17 tahun iaitu sebanyak 185 orang . Seterusnya , bilangan pelajar yang paling sedikit ialah pelajar- pelajar yang mencecah umur 19 tahun ke atas iaitu sebanyak 42 orang manakala pelajar yang berada di tahap umur yang sederhana ialah pelajar – pelajar yang berada di antara umur 12 – 14 tahun iaitu sebanyak 127 orang .

Berdasarkan kepada tahap umur yang diperolehi di atas , penulis dapat merumuskan bahawa pelajar- pelajar yang mencecah umur *mukallaf* ialah pelajar – pelajar yang berumur 15 tahun ke atas dan had umur ini adalah melibatkan kumpulan pelajar remaja yang berumur di antara 15 – 17 tahun dan 18 – 19 tahun . Justeru , dari aspek pentaklifan hukum Syāra' mereka telah pun diwajibkan untuk menjalankan kesemua perintah Syāra' termasuklah perintah mengerjakan Solat Fardu yang lima .

Adapun pelajar – pelajar yang berada di antara lingkungan umur 12 – 14 tahun meskipun mereka tidak mencapai had orang *mukallaf* jika dilihat dari sudut umur , namun yang sebenarnya mereka telah pun diwajibkan mendirikan solat agar setelah mereka *mukallaf* mereka telah terbiasa mengerjakan Solat Fardu dan rukun- rukun Islam yang lain seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W. di dalam sabdanya yang berbunyi .
*"Perintahkanlah anak- anak mu mengerjakan solat di kala mereka berumur tujuh tahun , dan pukullah mereka kerana tidak mengerjakannya di kala mereka berumur sepuluh tahun dan pisahkanlah tempat tidurnya ."*⁸ Dalam hal ini , ibubapa mereka merupakan pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk

⁸ al-Imām Abī al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-‘Azīz Ābādī (1995) , ‘Awn al-Ma’būd Syarh Abī Dāwud . Kitab al-Solāh , Bāb Matā Yu’mar al-Ghulām al-Solāh , no. hadith 491

mengajar dan memerintahkan mereka supaya melaksanakan segala ajaran Islam dan yang paling khususnya ialah mendirikan Solat Fardu

Jadual 3 : Tingkatan Pengajian

BIL.	TINGKATAN	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Ting.Peralihan.	23	-	23
2.	Tingkatan 1	37	28	65
3.	Tingkatan 2	20	30	50
4.	Tingkatan 3	43	35	78
5.	Tingkatan 4	32	33	65
6.	Tingkatan 5	15	32	47
7.	Tingkatan 6 B.	35	35	70
8.	Tingkatan 6 A.	34	34	68
JUMLAH		239 (51.3 %)	227 (48.7%)	466 (100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan pecahan tingkatan dan bilangan pelajar remaja yang disoal selidik menurut tingkatan pengajian . Berdasarkan kepada sumber data di atas , didapati bahawa terdapat perbezaan di antara jumlah dan bilangan pelajar dari sekolah- sekolah Menengah Agama YIK dan sekolah – sekolah Menengah Kementerian Pendidikan .Bilangan pelajar dari sekolah – sekolah Menengah Agama YIK secara keseluruhannya ialah sebanyak 239 orang manakala pelajar - pelajar dari sekolah – sekolah Menengah Kementerian ialah sebanyak 227 orang .

Secara umumnya , tahap umur dan tingkatan remaja sekolah ini dapat dibahagikan kepada tiga peringkat sebagaimana yang berikut :

Peringkat-peringkat remaja		
Peringkat remaja	Had umur	Peringkat pembelajaran
1. Awal remaja	12, 13, 14, 15 tahun	Ting. Peralihan , 1, 2 & 3
2. Pertengahan remaja	15, 16, 17, 18 tahun	Ting. 4 , 5 & 6 Bawah
3. Akhir remaja	18 , 19 , 20 , 21	Ting. 6 Atas / pra – universiti

Kepentingan membahagikan remaja menurut tahap umur dan tingkatan ini adalah untuk mengenal pasti sejauhmana tahap pengamalan Solat Fardu di kalangan mereka berdasarkan kepada tahap umur dan tingkatan pengajian mereka . Seterusnya penulis dapat membandingkan di antara satu tingkatan dan tingkatan yang lain khususnya untuk mendapatkan jawapan yang tepat terhadap punca – punca pengabayaan Solat Fardu di kalangan mereka .

Jadual 4 : Tempat tinggal

BIL.	TEMPAT TINGGAL	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Rumah sendiri	195	194	389
2.	Rumah Sewa	10	11	21
3.	Asrama	34	20	54
4.	Lain – lain	0	2	2
JUMLAH		239 (51. 3 %)	227 (48. 7 %)	466 (100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan tempat tinggal pelajar menurut kediaman masing-masing . Berdasarkan kepada data yang diperolehi di atas didapati jumlah pelajar yang paling ramai ialah pelajar – pelajar yang tinggal di rumah sendiri iaitu sebanyak 389 orang diikuti dengan pelajar- pelajar yang tinggal di asrama iaitu sebanyak 54 orang dan jumlah yang paling sedikit ialah pelajar – pelajar yang tinggal di rumah sewa iaitu sebanyak 21 orang .

Secara khususnya , melalui kediaman dan tempat tinggal ini penulis dapat membezakan tahap – tahap penunaian ibadat solat di kalangan pelajar sekolah . Secara perbandingannya penulis dapati bahawa pelajar - pelajar yang tinggal di asrama adalah lebih komited dalam aspek penunaian ibadat solat berbanding pelajar – pelajar yang tinggal di rumah sendiri atau rumah sewa . Kenyataan ini adalah berasaskan kepada pengalaman penulis sendiri semasa belajar di sekolah berasrama penuh suatu ketika dahulu , penulis dapati bahawa pelajar - pelajar yang tinggal di asrama lebih menjaga ibadat solat berbanding pelajar - pelajar yang tinggal di rumah sendiri dan rumah sewa . Kenyataan ini turut diakui sendiri oleh Warden Asrama Sekolah apabila penulis menemubual salah seorang Warden Asrama di Sekolah Menengah (Arab) Khairiyah , Padang Pak Amat , Pasir Puteh ⁹ . Beliau menjelaskan bahawa pelajar - pelajar yang tinggal di asrama lebih menjaga ibadat solat berbanding pelajar – pelajar yang tinggal di rumah sendiri kerana mereka terikat dengan segala peraturan dan program asrama termasuklah program menunaikan Solat Fardu di musolla asrama .

⁹ Temubual dengan Us. Roslan b. Mohammad , Warden Asrama sekolah Menengah Agama (Arab) Khairiyah , Padang Pak Amat , Pasir Puteh , pada 12 Oktober 2003 . jam 1.30 tengahari

Sementara itu , penulis berpendapat bahawa pelajar - pelajar yang tinggal di rumah sendiri adalah lebih baik dari pelajar - pelajar yang tinggal di rumah sewa dari aspek penunaian Solat Fardu . Kenyataan ini berasaskan bahawa pelajar - pelajar yang tinggal di rumah sendiri adalah lebih terikat dengan dengan kawalan ibubapa mereka berbanding pelajar- pelajar yang tinggal di rumah sewa yang tidak terikat dengan mana- mana peraturan dan kawalan ibubapa . Justeru , penulis tidak menolak kemungkinan bahawa pelajar yang tinggal di rumah sewa adalah lebih ramai mengabaikan Solat Fardu berbanding pelajar- pelajar yang tinggal di rumah sendiri .

Jadual 5 : Lokasi tempat tinggal

BIL.	LOKASI TEMPAT TINGGAL	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Bandar	11	89	19
2.	Pinggir Bandar	14	8	22
3.	Kampung	213	210	423
4.	Lain – lain	-	1	1
JUMLAH		238 (51.2 %)	227 (48.8 %)	465 (100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan lokasi tempat tinggal pelajar menurut kawasan masing - masing . Berdasarkan kepada angka yang diperolehi sebagaimana di atas didapati pelajar yang tinggal di kampung mencatat jumlah yang

tertinggi iaitu sebanyak 423 orang manakala pelajar yang tinggal di pinggir bandar ialah 22 orang dan pelajar yang tinggal di bandar ialah sebanyak 19 orang.

Pada pendapat penulis , pelajar - pelajar yang tinggal di kawasan kampung adalah lebih konsisten di dalam melaksanakan ibadat solat berbanding dengan pelajar - pelajar yang tinggal di bandar . Hal ini adalah kerana suasana yang ada di kampung sendiri lebih menggalakkan para pelajar untuk mereka mendirikan Solat Fardu terutama secara berjemaah kerana kebiasaanorang- orang kampung lebih menitikberatkan perintah solat kepada anak - anak mereka berbanding orang – orang bandar¹⁰.

Oleh yang demikian , dapat diandaikan bahawa pelajar – pelajar yang tinggal di kampung lebih mengambilberat terhadap penunaian ibadat solat berbanding pelajar – pelajar yang tinggal di bandar . Namun begitu , tidak dinafikan juga bahawa pelajar – pelajar yang tinggal di bandar kadang – kadang lebih baik daripada pelajar - pelajar yang tinggal di kampung khususnya jika mereka menghayati ajaran Agama Islam dan menitikberatkan amalan Solat Fardu di kalangan ahli keluarga mereka .

¹⁰ Observasi penulis terhadap pelajar – pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 5 yang tinggal di kawasan sekitar Kampung Permatang Rambai , Pasir Puteh melalui Solat Zuhur , ‘Asar , Maghrib dan Insha’ di surau – surau yang berdekatan pada bulan Ogos 2003 .

4.3.2 PENGETAHUAN ASAS TENTANG HUKUM SOLAT FARDU

Jadual 1 : Status diri menurut hukum Islam

BIL.	Status diri menurut hukum Islam	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Akil baligh	211	205	416
2.	Belum Akil Baligh	24	9	33
3.	Tidak tahu	1	8	9
JUMLAH		236 (51.5 %)	222 (48.5 %)	458 (100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan bilangan pelajar menurut status hukum Islam . Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas , didapati sebanyak 416 orang responden berpendapat bahawa mereka telah baligh manakala sebanyak 33 orang responden berpendapat bahawa mereka belum baligh dan selebihnya iaitu sebanyak 9 orang berpendapat bahawa mereka tidak tahu tentang status diri mereka menurut hukum Islam .

Berdasarkan kepada kenyataan di atas , dapatlah dirumuskan bahawa pelajar - pelajar yang telah baligh ialah mereka yang berumur 15 tahun ke atas khususnya bagi pelajar - pelajar lelaki yang berada di tingkatan 3 di sekolah – sekolah Menengah Kebangsaan dan tingkatan 2 di sekolah – sekolah Menengah Agama YIK . Adapun pelajar perempuan meskipun tahap

baligh dikira menurut umur 15 tahun tapi yang sebenarnya mereka telah pun baligh berdasarkan kepada kedatangan haid sewaktu mereka berusia di antara 9 – 12 tahun lagi . Oleh yang demikian , tahap baligh bagi pelajar perempuan telah pun bermula semenjak mereka berada di bangku sekolah rendah lagi iaitu di antara darjah 4 hingga darjah 6 .

Secara umumnya ,didapati pelajar – pelajar yang berada di tingkatan 3 ke atas lebih memahami hukum baligh berbanding pelajar - pelajar yang berada di tingkatan 2 ke bawah . Pengalaman penulis berkunjung ke beberapa buah sekolah menengah dan di antaranya ialah Sekolah Menengah Jeram dan Sekolah Menengah Agama (Arab) Lepah untuk menemubual pelajar – pelajar di tingkatan peralihan dan tingkatan 1 , penulis dapat bahawa kebanyakan mereka masih kabur dan tidak jelas tentang hukum baligh apabila mereka memasuki usia baligh atau peringkat pra - remaja .

Secara perbandingannya , didapati kebanyakan pelajar - pelajar sekolah Menengah Agama lebih memahami hukum baligh berbanding pelajar - pelajar Sekolah Menengah biasa . Kenyataan ini adalah jelas apabila pelajar – pelajar sekolah agama memberi jawapan sehingga 46. 1 % bahawa mereka faham tentang hukum baligh berbanding pelajar - pelajar sekolah menengah biasa yang memberi jawapan dalam lingkungan 44. 8 % sahaja . Walau apa pun faktor , penulis berpendapat bahawa kelebihan yang ada pada pelajar – pelajar sekolah agama ialah kerana mereka mempelajari secara terperinci sesuatu masalah yang berkaitan dengan hukum ibadat khususnya melalui pembelajaran Fiqh sedangkan pelajar - pelajar di sekolah

menengah aliran biasa , mereka hanya mempelajari asas dan hukum ibadat secara umum sahaja iaitu di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam .

Jadual 2 : Hukum mengerjakan Solat Fardu ketika baligh

BIL.	Hukum mengerjakan Solat Fardu	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Wajib	231	215	446
2.	Sunat	7	1	8
3.	Harus	2	1	3
4.	Tidak tahu	0	8	8
JUMLAH		240 (51.6 %)	225(48.4 %)	465(99.9 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan pengetahuan para responden tentang hukum mengerjakan Solat Fardu setelah mereka baligh . Berdasarkan kepada kenyataan di atas , didapati sebanyak 446 orang responden berpendapat hukum mengerjakan Solat Fardu setelah baligh ialah wajib . Manakala sebanyak 8 orang responden berpendapat hukumnya ialah sunat dan sebanyak 3 orang berpendapat hukumnya harus dan yang selebihnya iaitu sebanyak 8 orang berpendapat bahawa mereka tidak tahu tentang hukum Solat Fardu .

Kenyataan di atas secara umumnya mendedahkan kepada kita bahawa kebanyakan pelajar Islam tahu tentang hukum mengerjakan Solat Fardu setelah mereka baligh . Kenyataan ini menunjukkan bahawa setiap

pelajar Islam telah pun didedahkan dengan amalan Solat Fardu semenjak dari dari kecil lagi khususnya melalui perlakuan dan amalan solat ibubapa mereka di rumah .Di samping itu , kelas – kelas fardu ain yang diikuti oleh pelajar semasa mereka belajar di peringkat sekolah rendah sedikit sebanyak membantu mereka menambahkan pengetahuan tentang hukum mengerjakan ibadat solat .

Sementara itu , para pelajar yang berpendapat bahawa hukum mengerjakan Solat Fardu adalah sunat , harus atau mereka tidak tahu maka penulis berpendapat mereka sebenarnya tidak mempelajari asas- asas fardu ain dengan lebih mendalam .Justeru , mereka tidak mempunyai asas pengetahuan yang tepat mengenai hukum mengerjakan ibadat solat sedangkan yang sepatutnya mereka perlu belajar semua asas – asas fardu ain terutama asas- asas ibadat solat sebelum mereka mengerjakan solat .

Jadual 3 : Usia mula mendirikan solat

BIL.	Usia mula mendirikan solat	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Kurang dari 7 tahun	40	29	69
2.	8 – 10 tahun	163	140	303
3.	11- 15 tahun	33	53	86
4.	16 tahun	3	4	7
5.	Lain- lain	0	0	0
JUMLAH		239(51.4 %)	226(48.6 %)	465 (100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan tahap pengamalan solat fardu di kalangan responden menurut usia . Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas didapati sebanyak sebanyak 69 orang pelajar mendirikan solat pada usia kurang dari 7 tahun ; sebanyak 303 orang pelajar mendirikan solat pada usia 8 – 10 tahun ; sebanyak 86 orang pelajar mendirikan solat pada usia 11- 15 tahun orang dan sebanyak 7 orang pelajar mendirikan solat pada usia 16 tahun .

Berdasarkan kepada angka – angka yang ditunjukkan di atas dapatlah dirumuskan bahawa sebahagian besar remaja Islam telah pun mendirikan solat ketika mereka masih berada di peringkat kanak- kanak lagi iaitu ketika

berusia 7 tahun . Sungguh pun demikian , penulis berpendapat tahap pengamalan solat mereka pada usia ini adalah lebih menjurus kepada cara - cara dan latihan mempelajari solat sahaja daripada orang - orang dewasa .

Adapun para pelajar yang berpendapat bahawa mereka mula mengerjakan Solat Fardu di antara 8 – 10 tahun maka penulis berpendapat bahawa tahap pengamalan Solat Fardu mereka adalah lebih baik dan lebih konsisten berbanding pelajar - pelajar yang mendirikan solat pada usia kurang dari 7 tahun . Tambahan pula , pada ketika ini mereka telah pun memasuki alam persekolahan dan secara tidak langsung mereka mempelajari asas - asas mengerjakan solat serta rukun- rukun Islam yang lain di sekolah mereka .

Manakala pelajar - pelajar yang menyatakan bahawa mereka mula mendirikan solat pada ketika umur 11 - 15 tahun dan 16 tahun ke atas , penulis berpendapat kemungkinan mereka tidak di beri pendedahan secara serius dan tidak dipupuk dari awal oleh ibubapa mereka tentang kewajipan mendirikan solat sedangkan yang sepatutnya ibubapa mereka perlu mengajar dan menyuruh mereka bersolat ketika mereka berusia 7 tahun lagi .

Jadual 4 : Faktor mendirikan solat

BIL.	Faktor mendirikan Solat	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Diri sendiri	11	13	24
2.	Ibubapa	7	19	26
3.	Guru	3	2	5
4.	Allah	219	190	409
5.	Suasana persekitaran	0	2	2
JUMLAH		240 (51.5 %)	226(48.5 %)	466(100%)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan faktor – faktor seseorang responden mendirikan solat . Berdasarkan kepada data yang diperolehi di atas , didapati sebanyak 409 orang berpendapat bahawa mereka mendirikan Solat Fardu kerana Allah Ta'ala ; sebanyak 24 orang kerana diri sendiri ; sebanyak 26 orang kerana ibubapa ; sebanyak 5 orang kerana guru dan yang selebihnya iaitu sebanyak 2 orang kerana menurut suasana persekitaran .

Berdasarkan kepada kenyataan di atas , dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakan pelajar mengerjakan Solat Fardu kerana Allah Ta'ala. Kenyataan ini menunjukkan bahawa para pelajar memahami prinsip dan tuntutan ibadat sepertimana yang dikehendaki oleh Syariat Islam jaitu setiap ibadat hendaklah dikerjakan kerana Allah Ta'ala semata – mata . Oleh

yang demikian , penulis beranggapan bahawa mereka mengerjakan Solat Fardu adalah berdasarkan kepada ilmu dan sumber yang jelas dan bukanlah sekadar menurut orang ramai sahaja tanpa mempunyai asas- asas pengetahuan yang jelas di dalam mengerjakan sesuatu ibadat solat .

Ada pun para pelajar yang menjelaskan bahawa mereka mendirikan solat kerana diri sendiri , ibubapa , guru atau kerana mengikut suasana persekitaran maka penulis berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai asas pengetahuan yang jelas tentang hukum – hukum ibadat khususnya ibadat solat . Kenyataan ini menunjukkan bahawa mereka tidak mempelajari tentang selok belok dan hukum- hukum ibadat khususnya semasa mereka berada di peringkat sekolah rendah lagi .

Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas juga , dapat dibuat perbandingan bahawa pelajar – pelajar sekolah agama lebih memahami perintah ibadat solat berbanding pelajar- pelajar sekolah menengah biasa . Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada pertunjuk bahawa pelajar yang mendirikan Solat Fardu kerana Allah Ta'ala menunjukkan peratusan yang lebih tinggi berbanding pelajar - pelajar sekolah menengah biasa .

Jadual 5 : Sumber menunaikan solat

BIL.	Sumber menunaikan solat	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Ibubapa	174	157	331
2.	Guru	35	52	87
3.	Kawan	0	0	0
4.	Diri sendiri	26	13	39
5.	Lain- lain	3	4	7
JUMLAH		238 (51.3 %)	226(48.7 %)	464(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan sumber pengetahuan responden menunaikan Solat Fardu . Berdasarkan kepada kenyataan di atas , didapati sebanyak 331 orang pelajar berpendapat mereka mendapat pengetahuan tentang ibadat solat dari ibubapa ; Sebanyak 87 orang dari guru ; sebanyak 39 orang dari diri sendiri dan sebanyak 7 orang dari lain- lain sumber .

Berdasarkan kepada kenyataan di atas , dapat dirumuskan bahawa sumber utama para pelajar mendapat pengetahuan tentang ibadat solat adalah dari ibubapa mereka sendiri . Kenyataan ini memang diakui oleh semua pihak memandangkan ibubapa adalah orang yang paling hampir dengan mereka . Justeru , setiap perlakuan dan gerak geri ibubapa semasa mengerjakan solat secara tidak langsung memberi pendedahan kepada anak-anak mereka tentang cara – cara mengerjakan solat .

Selain itu , para pelajar juga mendapat sumber pengetahuan tentang ibadat solat dari guru dan diri mereka sendiri . Melalui guru , para pelajar mendapat pengetahuan secara langsung tentang ibadat solat khususnya tentang cara – cara dan hukum mengerjakan Solat Fardu .

Pada asasnya , penulis berpendapat pengetahuan yang diperolehi melalui guru adalah lebih baik daripada diri pelajar sendiri kerana melalui diri sendiri pelajar hanya tahu tentang cara – cara mengerjakan ibadat solat dalam ruang dan skop pembacaan sahaja sedangkan hal- hal yang lebih rumit tentang ibadat solat tidak banyak diketahui oleh para pelajar . Oleh itu , seseorang remaja Islam mestilah belajar dari seseorang guru tertentu untuk mengerjakan solat agar ibadat solat yang dikerjakan oleh mereka itu adalah menurut *kayfiyyāt* yang dikehendaki oleh Syāra⁴ .

Berdasarkan kepada data yang ditunjukkan di atas , didapati bahawa para pelajar tidak mendapat pengetahuan langsung dari kawan mereka . Dalam hal ini , penulis tidak bersetuju dengan kenyataan ini kerana kawan merupakan sumber yang kedua terpenting selepas ibubapa untuk mendapatkan sesuatu maklumat .

Jadual 6 : Sikap ibubapa terhadap penunaian solat anak-anak .

BIL.	Sikap ibubapa terhadap penunaian solat anak-anak	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Memerintahkan menunaikan solat	210	189	399
2.	Tidak menyuruh bersolat	4	11	15
3.	Tidak berbuat apa – apa	22	25	47
JUMLAH		236 (51.2 %)	225(48.8 %)	461(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan pendapat para responden tentang sikap ibubapa mereka terhadap urusan solat anak-anak mereka . Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas didapati sebanyak 399 orang pelajar menyatakan ibubapa mereka memerintahkan mereka supaya mengerjakan Solat Fardu . Manakala sebanyak 15 orang berpendapat ibubapa mereka tidak menyuruh mereka mengerjakan solat dan selebihnya iaitu sebanyak 47 orang berpendapat ibubapa mereka tidak berbuat apa – apa tindakan agar mereka mendirikan solat .

Berdasarkan kepada kenyataan yang diberikan di atas , dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakkannya ibubapa mengambil berat terhadap perintah mendirikan solat kepada anak-anak mereka . Sungguh pun demikian , penulis masih meragui tentang sejauh mana sikap ibubapa serta tindakan yang

mereka lakukan untuk memastikan anak-anak mereka *istiqāmah* di dalam mengerjakan Solat Fardu .

Berdasarkan kepada pemerhatian penulis , didapati bahawa kebanyakan ibubapa kurang mengambil berat terhadap urusan solat kepada anak – anak mereka berbanding hal - hal yang lain . Buktinya ialah mereka tidak banyak mengenakan tindakan serta hukuman yang tegas apabila anak-anak mereka mengabaikan solat sedangkan Syariat Islam telah memerintahkan setiap ibubapa agar memukul anak- anak mereka yang tidak mengerjakan solat setelah anak- anak berusia 10 tahun .

Adapun sikap sesetengah ibubapa yang tidak menyuruh anak- anak mengerjakan solat atau mereka tidak berbuat apa – apa tindakan agar anak-anak mereka mengerjakan solat . Sesungguhnya kenyataan ini mendedahkan kepada kita tentang sikap segelintir ibubapa yang tidak menitikberatkan urusan solat sama ada kepada diri mereka sendiri atau anak- anak mereka

Justeru , kita tidak menafikan pendapat sesetengah pihak yang berpendapat bahawa punca sebenar para pelajar sekolah tidak mengerjakan Solat Fardu adalah kerana sikap ibubapa mereka sendiri yang tidak menitikberatkan urusan solat kepada anak- anak mereka di rumah . Untuk menjelaskan kenyataan ini dengan lebih terperinci , penulis telah menemubual Ustaz Rosidi b. Ramli selaku Pegawai Khas Pendidikan Islam di Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Puteh - Bachok¹¹ . Menurut beliau , fenomena

¹¹ Temubual dan perbincangan dengan Ustaz Rosidi b. Ramli , Pegawai Khas Pendidikan Islam di Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Puteh , Bachok , 19 Oktober 2003 , jam 3.25 petang .

pelajar sekolah yang mengabaikan Solat Fardu bukanlah disebabkan oleh pihak sekolah sepenuhnya kerana pihak sekolah tidak mampu untuk memastikan setiap pelajar menunaikan kelima-lima Solat Fardu memandangkan masa setiap pelajar berada di sekolah sangatlah singkat berbanding masa mereka berada di rumah . Oleh itu ibubapa mereka yang sepatutnya menjadi pengawas sama ada anak-anak mereka mengerjakan solat atau pun tidak .

Jadual 7 : Tindakan pihak sekolah terhadap pelajar yang mengabaikan solat .

BIL.	Tindakan pihak Sekolah	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Memberi nasihat	150	172	322
2.	Mengenakan tindakan disiplin	75	41	116
3.	Tidak berbuat apa- apa	12	13	25
JUMLAH		237 (51.2 %)	226 (48.9 %)	463 (100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan pendapat responden tentang tindakan pihak sekolah terhadap para pelajar yang mengabaikan solat . Berdasarkan kepada data yang ditunjukkan di atas didapati sejumlah 322 orang pelajar berpendapat pihak sekolah mereka memberikan nasihat kepada pelajar yang mengabaikan solat sementara sebanyak 116 orang pelajar berpendapat

pihak sekolah mereka mengenakan tindakan disiplin dan yang selebihnya iaitu sebanyak 25 orang berpendapat pihak sekolah mereka tidak berbuat apa - apa tindakan terhadap pelajar yang mengabaikan solat .

Berdasarkan kepada kenyataan yang diberikan di atas , didapati kebanyakan pelajar mengakui bahawa pihak sekolah mereka mengambilberat tentang masalah pelajar- pelajar yang mengabaikan solat. Sungguh pun demikian , penulis berpendapat bahawa tidak semua pihak pentadbir sekolah mengambil berat terhadap pelajar - pelajar yang mengabaikan solat sama ada dengan cara memberi nasihat atau pun dengan cara mengenakan tindakan disiplin kepada mereka. Buktinya ialah pelajar – pelajar yang tidak mengerjakan solat fardu tidak dikenakan sebarang tindakan disiplin sebagaimana kes- kes salah laku pelajar yang lain .Justeru , jawapan yang diberikan oleh responden bahawa pihak sekolah mereka tidak mengenakan apa – apa tindakan terhadap para pelajar yang mengabaikan solat adalah lebih tepat berbanding jawapan yang pertama atau kedua .

. Berdasarkan temubual penulis dengan Kaunselor Sekolah Menengah Tok Janggut , beliau menjelaskan bahawa pihak sekolah tidak mengenakan apa – apa tindakan disiplin terhadap pelajar yang mengabaikan solat kerana masalah ini dilihat sebagai masalah kecil dan ia boleh diselesaikan oleh guru kelas masing- masing menurut pendekatan yang sesuai .¹²

¹² Temubual dengan En. Wan Zainal b. Wan Jaafar , Kaunselor Sekolah Menengah Tok Janggut , 19 Oktober 2003 , jam 3.00 petang .

Jadual 8 : Kempen mengerjakan Solat Fardu

BIL.	Kempen mengerjakan solat	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Pernah	219	191	410
2.	Tidak Pernah	20	35	55
	JUMLAH	239(51.4 %)	226(48.6 %)	465(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan pendapat para pelajar tentang tindakan pihak sekolah mereka untuk menggalakkan para pelajar menunaikan Solat Fardu . Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas di dapati sebanyak 410 orang pelajar berpendapat bahawa pihak sekolah mereka pernah menganjurkan program yang tertentu untuk menggalakkan para pelajar mengerjakan Solat Fardu manakala sebanyak 55 orang berpendapat pihak sekolah mereka tidak pernah menganjurkan sebarang program agar agar pelajar mengerjakan Solat Fardu .

Berdasarkan kepada kenyataan di atas , penulis bersetuju dengan kenyataan kebanyakan pelajar bahawa pihak sekolah mereka pernah menganjurkan program – program tertentu untuk menggalakan para pelajar mengerjakan Solat Fardu ; Sungguh pun demikian , penulis dapat bahawa sekolah – sekolah agama lebih banyak menganjurkan program tertentu untuk memupuk kesedaran pelajar agar mereka mengerjakan Solat Fardu . Sebagai

buktinya , penulis dapati bahawa sekolah - sekolah agama lebih banyak menganjurkan program *Qiamullayl* dan ia dijadikan sebagai program yang wajib kepada seluruh pelajar – pelajarnya sedangkan di sekolah – sekolah menengah , pihak pentadbir sekolah amat jarang menganjurkan program yang seumpama ini kerana mereka lebih menekankan kepada program – program lain yang kurang menekankan aspek pembangunan saksiah dan rohani pelajar

Berdasarkan kepada pengalaman penulis semasa bertugas di tiga buah sekolah menengah , penulis dapati bahawa tidak banyak program – program dakwah yang dianjurkan oleh pihak sekolah untuk memupuk kesedaran para pelajar agar mereka mendirikan solat .Dalam hal ini , penulis bersetuju dengan pendapat Kaunselor Sekolah Menengah Tok Janggut yang menjelaskan bahawa pihak pentadbir sekolah tidak mempunyai tenaga kerja yang banyak untuk mengendalikan program – program yang seumpama ini sementara di sekolah – sekolah agama terdapat ramai guru agama yang boleh mengendalikan program – program dakwah¹³ .

¹³ Temubual dengan En. Wan Zainal b. Wan Jaafar , Kaunselor Sekolah Menengah Tok Janggut , 19 Oktober 2003 , jam 3.00 petang .

Jadual 9 : Tindakan disiplin terhadap pelajar yang mengabaikan solat

BIL.	Kewajaran mengenakan tindakan disiplin	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Ya	226	214	440
2.	Tidak	13	12	25
JUMLAH		239(51.4 %)	226 (48.6 %)	465(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan pendapat para pelajar tentang kewajaran pihak sekolah mengenakan tindakan disiplin atau tidak terhadap pelajar – pelajar yang mengabaikan Solat Fardu . Berdasarkan kepada data yang ditunjukkan di atas , didapati sebanyak 440 orang pelajar bersetuju agar tindakan disiplin dikenakan terhadap pelajar yang mengabaikan solat sementara sebanyak 25 orang pelajar tidak bersetuju dengan cadangan yang diberikan .

Dalam hal ini , penulis bersetuju dengan kenyataan responden bahawa pelajar – pelajar yang mengabaikan solat perlu dikenakan tindakan disiplin iaitu sebagai suatu cara untuk mendidik mereka supaya mengerjakan solat . Di samping itu , tindakan disiplin yang dicadangkan itu hendaklah berorientasikan kepada falsafah mendidik para pelajar supaya mereka mendirikan solat dan bukanlah menghukum mereka semata – mata . Dalam hal ini , penulis bersetuju dengan tindakan yang diambil oleh

sesetengah sekolah seperti Sekolah Menengah Agama (Arab) Khairiyah yang mewajibkan para pelajar mengqadakan semula Solat Fardu sekiranya mereka meninggalkan mana - mana Solat Fardu yang lima .

4.3.3 HUKUM PENGABAIAN SOLAT FARDU .

Jadual 1 : Sikap para pelajar dalam penunaian Solat Fardu

BIL.	Sikap pelajar dalam mengerjakan solat fardu	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Terus mengerjakan solat	150	96	246
2.	Mengerjakan solat di akhir-akhir waktu	80	87	167
3.	Melengah-lengah solat sehingga laluput waktu	6	43	49
JUMLAH		236(51.1 %)	226(48.9 %)	462 (100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan sikap responden dalam penunaian Solat Fardu . Berdasarkan kepada kenyataan di atas di dapati sebanyak 246 orang pelajar terus mengerjakan Solat Fardu apabila masuk waktu solat manakala sebanyak 167 orang mengerjakan Solat Fardu di akhir – akhir waktu solat dan sebanyak 49 orang melengah- lengahkan Solat Fardu sehingga laluput waktu solat .

Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas didapati kebanyakan pelajar terus mengerjakan Solat Fardu apabila masuk waktu solat .Kenyataan ini menunjukkan bahawa mereka sedar tentang tanggungjawab mereka yang mesti menunaikan Solat Fardu pada setiap kali waktu solat .

Adapun sikap sebahagian pelajar yang mengerjakan Solat Fardu di akhir- akhir waktu , penulis berpendapat pelajar- pelajar tersebut kurang mengambilberat terhadap perintah mengerjakan solat berdasarkan kepada sikap mereka yang suka melengah- lengahkan waktu solat . Apa yang nyata , sikap menangguh- nangguh solat ini dianggap sebagai suatu perbuatan yang tercela di sisi Agama Islam kerana ia bertentangan dengan perintah Agama yang menuntut agar seseorang muslim mengerjakan solat seawal waktu yang mungkin apabila ketiadaan uzur di sisi Syāra'.

Manakala para pelajar yang memberi jawapan bahawa mereka melengah- lengahkan solat , Penulis berpendapat bahawa pelajar – pelajar tersebut tidak membesarluarkan perintah Allah berdasarkan kepada sikap mereka yang meringan- ringankan perintah mendirikan solat sedangkan perbuatan meringan- ringankan solat itu sendiri adalah termasuk di dalam dosa – dosa besar .Justeru , orang yang melakukannya disifatkan sebagai orang – orang yang cuai dalam mengerjakan kewajipan Solat Fardu .

Secara perbandingannya , didapati bahawa peratusan pelajar sekolah agama lebih banyak mengerjakan Solat Fardu pada awal waktu berbanding

pelajar – pelajar sekolah menengah biasa . .Sementara itu , didapati pelajar-pelajar sekolah menengah juga lebih ramai meluputkan waktu Solat Fardu berbanding pelajar – pelajar sekolah agama ¹⁴ . Kenyataan ini secara tidak langsung mendedahkan kepada kita bahawa pelajar - pelajar sekolah menengah tidak mempunyai kesedaran yang tinggi dalam melaksanakan perintah mendirikan solat berbanding pelajar – pelajar sekolah agama .

Jadual 2 : Kekerapan pelajar yang mengamalkan sikap melengah-lengahkan solat sehingga luputnya waktu solat

TINGKATAN / JANTINA	SMU(A) YIK		SMK. KPM	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Ting. Per.	0	0	-	-
Tingkatan 1	1	0	3	3
Tingkatan 2	3	0	5	1
Tingkatan 3	1	0	3	3
Tingkatan 4	1	0	3	5
Tingkatan 5	0	0	1	1
Ting. 6 Ren.	0	0	4	6
Ting. 6 Atas	0	0	3	2
JUMLAH	6 (12.2 %)	0 (0 %)	22 (44.9 %)	21(42.9 %)
	6		43	

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menerangkan dengan lebih terperinci tentang sikap sebilangan responden yang mengamalkan tabiat melengah- lengahkan solat sehingga luputnya waktu solat . Berdasarkan kepada kenyataan di atas , didapati pelajar -pelajar sekolah menengah biasa adalah lebih ramai yang mengamalkan sikap melengah-lengahkan solat berbanding pelajar - pelajar dari sekolah

¹⁴ Observasi penulis terhadap pelajar- pelajar Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua di Sek. Men. Tok Janggut , Pasir Puteh , Kelantan pada bulan Jun 2003 melalui program Solat Zuhur di sekolah untuk pelajar - pelajar sesi petang .

menengah agama . Kenyataan ini memberi satu jawapan yang konkrit bahawa pelajar – pelajar sekolah agama adalah lebih komited di dalam melaksanakan perintah menunaikan Solat Fardu berbanding pelajar – pelajar sekolah menengah biasa .

Sementara itu , didapati pelajar lelaki dan perempuan yang menuntut di sekolah menengah biasa masing- masing menampakkan bilangan yang hampir sama dalam kes penangguhan ibadat solat iaitu pelajar lelaki mencatatkan bilangan sebanyak 22 orang manakala pelajar perempuan mencatatkan bilangan sebanyak 21 orang . Kenyataan ini memberi satu penjelasan bahawa amalan melewat- lewatkan Solat Fardu sehingga luputnya waktu solat adalah membabitkan semua remaja Islam tanpa mengira kedudukan jantina mereka sama ada lelaki atau perempuan .

Dalam pada itu pula , didapati pelajar perempuan yang menuntut di sekolah menengah agama tidak menunjukkan satu angka pun bahawa mereka terbabit di dalam kes melewat- lewatkan Solat Fardu sepertimana yang diamalkan pelajar lelaki . Meskipun angka yang ditunjukkan ini bukanlah suatu data yang muktamad namun sekurang- kurangnya kenyataan ini memberi pertunjuk kepada kita bahawa dalam beberapa situasi tertentu tahap penunaian Solat Fardu di kalangan pelajar - pelajar perempuan adalah lebih baik dan konsisten berbanding pelajar – pelajar lelaki .

Jadual 3 : Bilangan Solat yang dikerjakan

BIL.	Bilangan solat yang dikerjakan	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	5 waktu	216	147	363
2.	4 waktu	14	38	52
3.	3 waktu	5	25	30
4.	2 waktu	0	2	2
5.	1 waktu	1	13	14
JUMLAH		236(51.2 %)	225 (48.8 %)	461(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan bilangan solat yang dikerjakan oleh setiap responden . Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas , didapati sebanyak 363 orang mengerjakan Solat Fardu sebanyak 5 waktu ; 52 orang mengerjakan Solat Fardu sebanyak 4 waktu ; 30 orang mengerjakan Solat Fardu sebanyak 3 waktu dan selebihnya iaitu sebanyak 2 - 14 orang mengerjakan solat fardu di antara 1 – 2 waktu .

Berdasarkan kepada kenyataan di atas , dapat dirumuskan bahawa kebanyakan remaja Islam mengerjakan Solat Fardu sebanyak 5 waktu sehari . Kenyataan ini menunjukkan bahawa mereka sedar tentang tanggungjawab mereka yang mesti mendirikan Solat Fardu sebanyak lima waktu sehari .

Namun demikian , penulis berpendapat masih terdapat sebilangan besar remaja Islam yang tidak mengerjakan Solat Fardu sepenuhnya .Buktinya ialah masih kedapatan di antara mereka yang hanya mengerjakan Solat Fardu di antara 3 - 4 waktu dan 1 - 2 waktu . Kenyataan ini menunjukkan bahawa tidak semua pelajar Islam sedar tentang tanggungjawab mereka yang mesti mendirikan Solat Fardu sebanyak 5 waktu sehari .

Secara perbandingan pula , didapati bahawa pelajar – pelajar sekolah menengah agama lebih banyak mengerjakan Solat Fardu sebanyak 5 waktu sehari berbanding pelajar – pelajar sekolah menengah biasa . Kenyataan ini berasaskan bahawa bilangan pelajar – pelajar sekolah agama yang mengerjakan Solat Fardu kurang dari lima waktu sehari adalah lebih rendah berbanding pelajar – pelajar sekolah menengah biasa .

Pada umumnya , didapati pelajar - pelajar sekolah agama menunjukkan komitmen yang lebih tinggi dalam soal penunaian Solat Fardu berbanding pelajar - pelajar sekolah menengah biasa . Hal ini adalah disebabkan oleh sekolah – sekolah agama sendiri yang lebih banyak menekankan kepada soal pembelajaran agama dan program- program *tarbiyyah* yang mampu memupuk kesedaran diri para pelajar untuk mereka melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupan seharian mereka .

Jadual 4 : Bilangan responden yang tidak mengerjakan Solat Fardu sebanyak lima waktu sehari

TINGKATAN / JANTINA	SMU(A) YIK		SMK. KPM	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Ting. Per.	0	1	-	-
Tingkatan 1	1	3	15	7
Tingkatan 2	5	1	8	4
Tingkatan 3	6	0	5	11
Tingkatan 4	1	0	5	7
Tingkatan 5	0	0	6	3
Ting. 6 Ren.	2	0	5	1
Ting. 6 Atas	0	0	0	1
JUMLAH	15 (15.3 %)	5 (5.1 %)	44 (44.9 %)	34 (34.7 %)
	20		78	

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan secara terperinci tentang bilangan responden yang tidak mengerjakan Solat Fardu sebanyak lima waktu sehari .Berdasarkan kepada data yang ditunjukkan di atas , adalah jelas bahawa kedapatan ramai di antara remaja Islam yang tidak mengerjakan Solat Fardu sebanyak lima waktu sehari semalam .Kes ini adalah membabitkan kedua - dua jenis pelajar sama ada pelajar – pelajar dari sekolah menengah agama atau pelajar – pelajar sekolah menengah biasa .

Namun , apabila dibuat perbandingan secara terperinci didapati bilangan pelajar - pelajar sekolah menengah biasa adalah lebih ramai yang tidak mengerjakan Solat Fardu sebanyak lima waktu sehari berbanding pelajar – pelajar sekolah menengah agama .Kenyataan ini mengukuhkan lagi hujah bahawa pendidikan agama yang diterapkan kepada pelajar- pelajar agama adalah di antara faktor utama pelajar- pelajar sekolah agama lebih komited

berbanding pelajar – pelajar sekolah menengah biasa dalam mengerjakan kewajipan Solat Fardu serta perintah- perintah Agama Islam yang lain .

Melihat kepada perbezaan dari aspek pembelajaran pula , didapati pelajar –pelajar yang berada di antara tingkatan Satu hingga tingkatan Lima di sekolah menengah biasa adalah kelompok remaja yang paling ramai tidak mengerjakan Solat Fardu sebanyak lima waktu sehari berbanding pelajar-pelajar yang berada di tingkatan Enam di sekolah yang sama . Kenyataan ini sekali lagi menegaskan kepada kita bahawa kes pengabaian Solat Fardu adalah sangat serius dan lebih banyak berlaku di kalangan pelajar yang berada di peringkat awal atau pertengahan remaja kerana pada peringkat ini mereka dikatakan lebih cenderung menurut hawa nafsu mereka dari melakukan suruhan Agama . Adapun pelajar yang berada di tingkatan Enam , didapati bilangan mereka yang mengerjakan Solat Fardu kurang dari lima waktu sehari semakin berkurang dan hal ini secara pastinya memberi pertunjuk bahawa kematangan fikiran dan kesedaran diri mereka yang semakin bertambah menjadi pendorong utama untuk mereka melaksanakan kewajipan Solat Fardu pada tahap yang lebih baik berbanding sebelumnya .

Jadual 5 : Pengalaman meninggalkan solat

BIL.	Pengalaman meninggalkan solat	SMU(A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Ya	208	211	419
2.	Tidak	32	16	48
JUMLAH		240(51.4 %)	227(48.6 %)	467(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan pengalaman responden sama ada mereka meninggalkan solat atau pun tidak .Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas didapati sebanyak 419 orang responden mengaku pernah meninggalkan solat sementara sebanyak 48 orang responden memberi pendapat mereka tidak pernah meninggalkan Solat Fardu .

Berdasarkan kepada kenyataan di atas , dapat dirumuskan bahawa peratusan pelajar yang meninggalkan Solat Fardu adalah lebih tinggi berbanding pelajar – pelajar yang mengerjakan Solat Fardu . Sungguh pun demikian , jawapan yang diberikan oleh responden tidaklah menggambarkan mereka mengabaikan Solat Fardu seluruhnya sebaliknya jawapan yang diberikan itu perlu dilihat dari dua sudut yang berbeza sama ada mereka meninggalkan solat dengan sengaja atau pun tidak .Hal ini adalah penting kerana tidak semua orang yang meninggalkan Solat Fardu boleh dianggap

sebagai orang yang cuai di dalam mengerjakan solat sebelum diteliti apakah sebab-sebab seseorang itu meninggalkan solat itu sendiri.

Menurut pendapat para *fugahā'*, seseorang yang meninggalkan Solat Fardu kerana terdapat keuzuran - keuzuran yang diharuskan oleh Syāra' seperti tertidur atau terlupa untuk bersolat atau seseorang perempuan yang didatangi haid atau nifas maka orang tersebut tidak dikategorikan sebagai orang yang mengabaikan solat.

Sebaliknya , seseorang yang meninggalkan Solat Fardu kerana tidak terdapat keuzuran - keuzuran yang dibenarkan oleh Syāra' seperti malas , sibuk dengan urusan lain atau meringankan hukum solat maka orang tersebut dikategorikan sebagai orang yang mengabaikan Solat Fardu menurut pengertian yang sebenar. Justeru , sebagai implikasi terhadap dua kes yang berbeza ini maka para *fugahā'* telah berselisih pendapat di kalangan mereka dalam menentukan hukum *qadā'* terhadap seseorang yang meninggalkan solat sama ada dengan sengaja atau pun tidak .

Pada pendapat penulis , meskipun angka yang ditunjukkan di atas tidaklah menggambarkan jumlah keseluruhan bahawa pelajar- pelajar sekolah menengah mengabaikan Solat Fardu namun secara realitinya , angka yang ditunjukkan di atas secara tidak langsung menjadi bahan bukti bahawa terdapat sebahagian besar di antara pelajar – pelajar Islam yang mengabaikan Solat Fardu .

Jadual 6 : Kekerapan meninggalkan solat

BIL.	Kekerapan meninggalkan solat	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Selalu	3	24	27
2.	Kadang – kadang	197	186	383
3.	Tidak Pernah	29	11	40
4.	Lain – lain	9	6	15
JUMLAH		238(51.2 %)	227(48.8 %)	465(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan kekerapan pelajar meninggalkan Solat Fardu . Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas didapati sebanyak 383 orang pelajar berpendapat bahawa mereka meninggalkan Solat Fardu secara kadang – kadang sahaja manakala sebanyak 27 orang pelajar berpendapat mereka selalu meninggalkan Solat Fardu dan yang selebihnya iaitu sebanyak 40 orang pelajar berpendapat mereka tidak pernah meninggalkan Solat Fardu .

Secara khususnya , kenyataan di atas memperlihatkan kepada kita tentang tahap – tahap penunaian ibadat Solat Fardu di kalangan remaja sekolah . Pada umumnya , tahap – tahap penunaian ibadat solat di kalangan mereka dapat dibahagikan kepada tiga kategori ;

Pertama ; Para remaja yang tidak pernah meninggalkan solat . Mereka adalah golongan remaja yang mengambil berat dan mempunyai tahap kesedaran diri yang tinggi dalam melaksanakan perintah menunaikan Solat Fardu .

Kedua ; Para remaja yang jarang – jarang meninggalkan Solat Fardu . Mereka masih dianggap sebagai orang yang komited di dalam penunaian ibadat Solat Fardu sekiranya mereka tidak terus - menerus meninggalkan Solat Fardu .Sebaliknya , jika mereka selalu meninggalkan solat mereka juga dikategorikan sebagai orang – orang yang cuai dan tidak mengambil berat terhadap urusan solat .

Ketiga ; Para remaja yang selalu meninggalkan solat .Mereka adalah golongan remaja yang cuai dan tidak mengambilberat tentang urusan solat dalam kehidupan seharian mereka .

Secara perbandingan pula , didapati bahawa peratusan pelajar yang meninggalkan Solat Fardu secara kadang – kadang adalah lebih ramai di kalangan pelajar sekolah agama berbanding pelajar – pelajar sekolah menengah biasa .Kenyataan ini menggambarkan kepada kita bahawa pelajar – pelajar di sekolah agama tidak semuanya iltizam dan patuh dalam penunaian ibadat solat .

Namun demikian , jika dibandingkan dengan pelajar – pelajar sekolah menengah biasa didapati peratusan mereka yang selalu meninggalkan Solat Fardu adalah lebih tinggi berbanding pelajar - pelajar sekolah agama . Kenyataan ini memperlihatkan kepada kita bahawa tahap kesedaran agama di kalangan segelintir pelajar sekolah menengah biasa adalah sangat tidak memuaskan . Meskipun ramai pihak yang berpendapat bahawa ibubapa adalah pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap urusan solat kepada anak – anak mereka di rumah . Namun , tidak dinafikan bahawa pihak

sekolah juga terlibat secara langsung dalam memastikan seseorang pelajar mengerjakan Solat Fardu atau pun tidak .

Dalam hal ini , penulis berpendapat bahawa pihak sekolah tidak seharusnya meletakkan urusan solat kepada ibubapa pelajar semata- mata sebaliknya pihak sekolah sendiri perlu memainkan peranan yang lebih aktif untuk menyuburkan semangat dan kesedaran diri di kalangan pelajar Islam agar mereka mendirikan solat iaitu dengan cara menganjurkan program - program dakwah yang boleh menggalakan mereka mengerjakan Solat Fardu .

Jadual 7 : Kekerapan pelajar yang selalu meninggalkan Solat Fardu

TINGKATAN / JANTINA	SMU(A) YIK		SMK. KPM	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Ting. Per.	1	0	-	-
Tingkatan 1	0	0	5	3
Tingkatan 2	1	0	1	0
Tingkatan 3	0	0	2	0
Tingkatan 4	0	0	4	2
Tingkatan 5	1	0	1	1
Ting. 6 Ren.	0	0	2	1
Ting. 6 Atas	0	0	2	0
JUMLAH	3 (11.1 %)	0 (0 %)	17 (63 %)	7 (25.9 %)
	3		24	

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menerangkan tentang sikap sebilangan pelajar Islam yang terbabit dengan kes pengabaian Solat Fardu dengan kekerapan “ selalu meninggalkan solat ”. Secara umumnya , data yang ditunjukkan di atas memberi satu hujah yang sangat konkrit bahawa masih kedapatan

sebilangan kecil di kalangan pelajar - pelajar Islam yang telah mencecah usia *mukallaf* tetapi mereka masih dan selalu meninggalkan Solat Fardu .

Berdasarkan kepada data- data yang diperolehi di atas adalah nyata sekali bahawa pelajar lelaki yang menuntut di sekolah menengah biasa adalah kelompok remaja yang paling ramai meninggalkan Solat Fardu dengan kekerapan “ selalu meninggalkan solat “ berbanding pelajar- pelajar perempuan yang menuntut di sekolah yang sama . Manakala pelajar perempuan yang menuntut di sekolah menengah agama pula didapati tidak menunjukkan satu angka pun yang menyatakan bahawa mereka selalu meninggalkan Solat Fardu berbanding pelajar lelaki . Pada asasnya , kenyataan yang dipaparkan ini memberi satu justifikasi kepada kita bahawa pelajar – pelajar perempuan adalah lebih konsisten dalam mengerjakan Solat Fardu berbanding pelajar – pelajar lelaki sama ada mereka berpendidikan agama atau pun tidak .

Secara perbandingan pula , didapati pelajar - pelajar yang menuntut di sekolah menengah biasa sama ada lelaki atau perempuan menunjukkan angka yang lebih tinggi berbanding pelajar – pelajar lelaki dan perempuan yang menuntut di sekolah menengah agama dengan kekerapan “ selalu meninggalkan Solat Fardu “ . Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada bilangan pelajar - pelajar sekolah agama yang mencatatkan angka yang sangat kecil iaitu sebanyak 3 orang berbanding pelajar- pelajar di sekolah menengah biasa yang mencatatkan bilangan sebanyak 24 orang . Sesungguhnya angka yang dinyatakan ini menggambarkan secara jelas tentang wujudnya satu perbezaan

yang ketara di antara remaja Islam yang menerima pendidikan agama sepenuhnya berbanding remaja Islam yang menerima pendidikan aliran biasa dalam konteks mengerjakan kewajipan Solat Fardu .

Jadual 8 : Jenis- jenis solat yang sering diabaikan

BIL	Jenis- jenis solat yang diabaikan	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Subuh	100	143	243
2.	Maghrib	5	4	9
3.	Insya'	69	41	110
4.	Zuhur	11	17	28
5.	'Asar	28	13	41
JUMLAH		213(49.4 %)	218(50.6 %)	431(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan jenis- jenis solat yang sering diabaikan oleh para pelajar . Berdasarkan kepada jadual di atas didapati solat yang sering diabaikan oleh para pelajar ialah solat Subuh iaitu sebanyak 243 orang dikuti dengan solat Insya' iaitu sebanyak 110 orang sementara solat yang paling sedikit diabaikan oleh pelajar ialah solat Maghrib iaitu sebanyak 9 orang .

Berdasarkan kepada kenyataan di atas , dapat dikenal pasti bahawa solat yang sering diabaikan oleh pelajar ialah solat Subuh .Kenyataan ini secara tidak langsung mendedahkan kepada kita tentang sikap segelintir pelajar Islam yang tidak bersungguh – sungguh dalam menunaikan kelima-lima Solat Fardu .Buktinya ialah mereka tidak berusaha untuk mengerjakan solat Subuh sedangkan solat Subuh menjadi kayu ukur untuk menilai tentang sejauhmana keiltizaman seseorang Islam dalam menunaikan Solat Fardu yang lima .

Adapun solat Maghrib didapati terlalu sedikit pelajar yang meninggalkan solat ini .Kenyataan ini menampakkan bahawa sikap keperihatinan ibubapa yang memastikan anak-anak mereka berada di rumah semasa waktu maghrib menjadi satu sebab untuk anak –anak mereka mengerjakan solat ini sama ada di rumah atau di surau- surau yang berdekatan .Sementara Zuhur pula , para pelajar dikatakan juga kurang meninggalkan solat ini. Satu faktor yang nyata dapat diketengahkan di sini adalah kerana terdapatnya usaha - usaha yang dilakukan oleh Pihak Pentadbir Sekolah mewajibkan setiap pelajar menunaikan solat ini di sekolah pada setiap hari persekolahan ¹⁵.

Secara perbandingan pula , didapati ramai di antara pelajar – pelajar sekolah agama yang mengabaikan solat ‘Asar dan Insya’ berbanding pelajar – pelajar sekolah menengah biasa .Kenyataan ini menunjukkan bahawa

¹⁵ Observasi penulis terhadap pelajar – pelajar Tingkatan Peralihan sehingga Tingkatan Lima di SMU (A) Diniah , Permatang Rambai , Pasir Puteh , Kelantan melalui program Solar Zuhur berjemaah pada bulan Ogos 2003

tidak semua pelajar – pelajar sekolah agama iltizam dan patuh dalam mengerjakan kedua – dua Solat Fardu ini .

Sementara itu , pelajar – pelajar sekolah menengah pula lebih ramai mengabaikan solat Subuh dan Insya’ berbanding pelajar – pelajar sekolah agama . Kenyataan ini mendedahkan kepada kita bahawa ibubapa mereka kurang mengambilberat agar mereka mengerjakan kedua-dua Solat Fardu ini . Buktinya ialah ibubapa mereka tidak menyuruh mereka untuk menunaikan kedua – dua solat ini secara berjemaah di surau- surau yang berdekatan sedangkan pada waktu ini kebanyakan anak – anak sudah pun berada di rumah masing – masing ¹⁶ .

Jadual 9 : Bilangan pelajar yang mengabaikan Solat Subuh

TINGKATAN / JANTINA	SMU(A) YIK		SMK. KPM	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Ting. Per.	5	3	-	-
Tingkatan 1	2	10	13	7
Tingkatan 2	12	7	11	12
Tingkatan 3	3	5	9	10
Tingkatan 4	6	12	8	17
Tingkatan 5	0	0	11	9
Ting. 6 Ren.	12	8	5	12
Ting. 6 Atas	6	9	10	9
JUMLAH	46 (18.9 %)	54 (22.2 %)	67 (27.6 %)	76(31.3 %)
	100			143

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas adalah lanjutan dari jadual 6 untuk menerangkan dengan lebih terperinci tentang bilangan dan kekerapan pelajar yang mengabaikan Solat

¹⁶ rujuk muka surat 192

Subuh . Berdasarkan angka- angka yang ditunjukkan di atas adalah jelas bahawa kedapatan ramai di kalangan pelajar Islam yang tidak mengerjakan Solat Subuh sebagaimana sepatutnya .

Hal ini terbukti apabila sejumlah besar responden yang ditemui penulis adalah terbabit dengan kes “pengabaian Solat Subuh “ iaitu pelajar - pelajar di sekolah agama mencatatkan bilangan sebanyak 100 orang manakala pelajar- pelajar di sekolah menengah biasa pula mencatatkan bilangan sebanyak 143 orang . Kenyataan ini memperlihatkan bahawa sikap tidak mengambilberat terhadap penunaian Solat Subuh adalah berlaku kepada semua remaja Islam sama ada remaja tersebut belajar di sekolah menengah agama atau pun sekolah menengah aliran biasa .

Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan juga menampakkan bilangan pelajar perempuan dari kedua – dua buah sekolah sama ada sekolah menengah agama atau sekolah menengah biasa adalah masing- masing mengatasi bilangan pelajar lelaki dalam kes pengabaian Solat Subuh . Kenyataan ini secara terbuka mendedahkan kepada kita bahawa tidak semua pelajar perempuan konsisten di dalam mengerjakan Solat Fardu berdasarkan kepada sikap mereka yang tidak begitu mengambil berat terhadap penunaian Solat Subuh sebagaimana sepatutnya .

Ditinjau dari aspek pembelajaran pula , didapati hampir kebanyakan responden dari keseluruhan tingkatan menunjukkan jumlah dan bilangan yang hampir sama dalam kes pengabaian Solat Subuh . Kenyataan ini

mendedahkan bahawa peringkat pembelajaran seseorang individu tidaklah menjadi suatu ukuran yang muktamad dalam kita menilai tahap penunaian Solat Fardu di antara seseorang individu dengan individu yang lain .Justeru adalah tidak tepat sekiranya kita beranggapan bahawa tahap penunaian ibadat solat bagi pelajar – pelajar yang berada di Tingkatan empat ke atas adalah lebih baik dari pelajar - pelajar yang berada di Tingkatan Tiga ke bawah atau pun kita berkata sebaliknya .

Secara perbandingan pula , didapati bilangan pelajar - pelajar sekolah menengah biasa adalah lebih ramai yang meninggalkan Solat Subuh berbanding pelajar – pelajar dari sekolah menengah agama .Kenyataan ini sekali lagi memperkuatkan hujah bahawa asas pembelajaran agama Islam yang bersepadau adalah di antara unsur-unsur penting yang dapat menjadikan seseorang remaja muslim iltizam dan patuh untuk melaksanakan segala titah – perintah Allah .

Jadual 10 : Tindakan apabila meninggalkan solat

BIL.	Tindakan apabila meninggalkan solat	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Mengqadakan semula solat	140	71	211
2.	Menangguhkan qada'	43	30	73
3.	Tidak berbuat apa- apa	47	124	171
JUMLAH		230 (50.5 %)	225 (49.5 %)	455(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan tindakan yang dilakukan oleh para pelajar apabila mereka meninggalkan solat . Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas didapati seramai 211 orang pelajar mengqadakan semula solat- solat yang ditinggalkan manakala sebanyak 73 orang pula menangguhkan *qada'* dan yang selebihnya iaitu sebanyak 171 orang tidak berbuat apa - apa tindakan apabila mereka meninggalkan solat .

Secara umumnya , kenyataan di atas mendedahkan kepada kita tentang sikap seseorang pelajar apabila mereka meninggalkan Solat Fardu . Berdasarkan kepada kenyataan di atas , kita dapat membahagikan sikap

seseorang remaja sekolah apabila mereka meninggalkan Solat Fardu kepada tiga kategori ;

Pertama ; Para pelajar yang menghadakan semula solat – solat yang ditinggalkan . Mereka adalah individu yang mempunyai tahap kesedaran yang tinggi dalam pelaksanaan Solat Fardu yang lima . Buktinya ialah mereka rasa bersalah apabila meninggalkan solat . Justeru , mereka terus menghadakan semula solat – solat yang ditinggalkan sedangkan hukum menghadakan semula solat adalah wajib ke atas seseorang yang meninggalkan solat sama ada secara sengaja atau pun tidak .

Kedua : Para pelajar yang menangguhkan *qadā'* . Mereka dianggap sebagai individu yang kurang mementingkan kewajipan Solat Fardu kerana tidak menyegerakan *qadā'* terhadap solat – solat yang ditinggalkan . Di samping itu , sikap menangguh- nangguhkan *qadā'* itu sendiri dianggap sebagai suatu perbuatan yang tercela di sisi Agama Islam kerana ia memperlihatkan sifat kemalasan di dalam melakukan ibadat kepada Allah .

Ketiga ; Para pelajar yang tidak berbuat apa – apa tindakan apabila mereka meninggalkan Solat Fardu . Mereka dianggap sebagai individu yang tidak bertanggungjawab terhadap perintah mendirikan Solat Fardu kerana tidak berbuat apa- apa tindakan apabila meninggalkan Solat Fardu . Sepatutnya mereka perlu rasa bersalah kerana meringan- ringankan perintah mendirikan solat .

Secara khususnya , kenyataan di atas menunjukkan kepada kita bahawa tahap kefahaman dan pengamalan Solat Fardu di kalangan pelajar-pelajar sekolah agama adalah lebih baik berbanding pelajar sekolah-sekolah menengah . Buktinya ialah peratusan pelajar sekolah-sekolah agama yang mengadakan semula solat adalah lebih tinggi berbanding sekolah-sekolah menengah biasa . Dalam masa yang sama didapati ramai pula di antara pelajar-pelajar sekolah menengah yang tidak berbuat apa-apa tindakan apabila mereka meninggalkan solat . Kenyataan ini juga membuktikan bahawa pelajar-pelajar sekolah menengah tidak mempunyai asas pengetahuan agama yang mendalam terutama yang berkaitan dengan amalan dan hukum Solat Fardu .

Jadual 11 : Bilangan pelajar yang tidak menggantikan solat atau tidak berbuat apa-apa tindakan setelah meninggalkan solat

TINGKATAN / JANTINA	SMU(A) YIK		SMK. KPM	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Ting. Per.	2	0	-	-
Tingkatan 1	2	11	15	7
Tingkatan 2	10	7	7	10
Tingkatan 3	5	0	7	10
Tingkatan 4	2	3	8	14
Tingkatan 5	0	1	7	8
Ting. 6 Ren.	3	0	5	12
Ting. 6 Atas	0	1	8	6
JUMLAH	24 (14 %)	23 (13.5 %)	57 (33.3 %)	67 (39.2 %)
	47		124	

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menerangkan tentang sikap para responden yang tidak menggantikan semula solat atau tidak berbuat apa-apa tindakan apabila

mereka meninggalkan Solat Fardu . Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas didapati masih ramai di antara pelajar Islam yang tidak menggantikan semula solat apabila mereka meninggalkan Solat Fardu sama ada secara sengaja atau pun tidak .Apa yang nyata , data - data yang ditunjukkan di atas menjelaskan lagi betapa sikap tidak acuh seseorang remaja Islam adalah satu manifestasi dari kelemahan iman mereka kerana meninggalkan Solat Fardu tanpa melakukan apa - apa tindakan selepas itu seperti menggantikan semula solat - solat yang terluput .

Berdasarkan kepada data yang ditunjukkan di atas , didapati sebilangan besar pelajar yang menuntut di sekolah menengah biasa sama ada lelaki atau perempuan tidak melakukan apa – apa tindakan atau menggantikan semula solat- solat yang ditinggalkan . Kenyataan ini menunjukkan bahawa pelajar – pelajar yang menuntut di sekolah menengah biasa tidak begitu mengambilberat terhadap kewajipan Solat Fardu dan hal ini mungkin disebabkan mereka tidak mempunyai kesedaran diri yang mendalam terhadap kewajipan Solat Fardu atau mereka tidak mempunyai pengetahuan yang secukupnya tentang hukum pelaksanaan ibadat solat seperti dalam hal penggantian semula solat bagi orang yang meninggalkan solat .

Secara perbandinganya , didapati bilangan pelajar - pelajar sekolah Agama menunjukkan bilangan yang lebih ramai berbanding pelajar – pelajar dari sekolah menengah aliran biasa dalam hal menggantikan semula solat- solat yang terluput . Kenyataan ini berdasarkan kepada bilangan pelajar agama yang tidak menggantikan semula solat adalah lebih rendah berbanding

pelajar sekolah menengah biasa . Kenyataan ini sekali gus menjadi hujah bahawa pelaksanaan Solat Fardu hendaklah berdasarkan kepada sumber ilmu pengetahuan yang jelas kerana ia akan memastikan seseorang remaja Islam melakukan tindakan- tindakan yang sewajarnya apabila mereka meninggalkan Solat Fardu .

Jadual 12 : Faktor meninggalkan Solat Fardu

BIL.	Faktor Pelajar meninggalkan Solat Fardu	SMU(A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Malas	85	110	195
2.	Sibuk dengan urusan lain	78	74	152
3.	Jahil	2	4	6
4.	Pengaruh rakan	12	7	19
5.	Lain- lain	47	27	74
JUMLAH		224(50.2 %)	222(49.8 %)	446(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan faktor- faktor seseorang pelajar meninggalkan Solat Fardu . Berdasarkan kepada data yang ditunjukkan di atas didapati sebanyak 195 orang pelajar meninggalkan Solat Fardu kerana malas ; sebanyak 152 orang meninggalkan Solat Fardu kerana sibuk dengan urusan lain ; sebanyak 6 orang meninggalkan Solat Fardu kerana jahil ; sebanyak 19 meninggalkan solat kerana pengaruh rakan dan sebanyak 74 orang meninggalkan Solat Fardu kerana lain - lain alasan .

Berdasarkan kepada kenyataan di atas , dapat dirumuskan bahawa sebab utama kebanyakkan pelajar meninggalkan Solat Fardu adalah malas .Kenyataan ini menunjukkan bahawa pelajar - pelajar tidak mengambilberat tentang urusan mengerjakan solat . Sekiranya mereka mengambil berat terhadap urusan solat maka sudah pasti mereka mengerjakan Solat Fardu dengan bersungguh – sungguh .

Adapun para pelajar yang menyatakan bahawa mereka meninggalkan solat kerana sibuk dengan urusan lain , penulis berpendapat mereka juga tidak mementingkan urusan solat di dalam urusan sehariannya mereka .Buktinya ialah mereka tidak meletakkan Solat Fardu sebagai keutamaan dalam kehidupan sehariannya mereka

Sementara itu , para pelajar yang menyatakan mereka meninggalkan solat kerana jahil maka penulis tidak bersetuju dengan kenyataan mereka ini .Ini kerana menurut pendapat penulis , setiap pelajar Islam sudah pun mempelajari asas- asas mengerjakan ibadat solat semenjak dari kecil lagi .Sebagai buktinya ialah murid- murid yang berada di peringkat sekolah rendah telah pun diajar tentang asas-asas fardu ain melalui kelas - kelas fardu ain yang diadakan pada sebelah petang sementara di peringkat sekolah menengah pula mereka diperkuuhkan dengan Kelas Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) untuk menambahkan tahap kefahaman mereka dalam hal mengerjakan ibadat solat dan asas- asas fardu ain yang lain .

Pada asasnya , sebab – sebab yang dikemukakan oleh seseorang pelajar seperti malas , jahil , sibuk dengan urusan lain adalah sebab- sebab yang tidak diterima di sisi Syāra' . Justeru , seseorang yang meninggalkan solat dengan alasan – alasan yang seperti ini dianggap sebagai orang yang meringan- ringankan perintah mendirikan solat . Oleh yang demikian , penulis berpendapat seseorang pelajar Islam yang telah mengetahui kewajipan solat tetapi mereka masih meninggalkan solat dengan sebab- sebab yang dinyatakan di atas maka mereka adalah termasuk di kalangan orang – orang yang mengabaikan solat .

Jadual 13 ; Malas sebagai faktor utama pelajar meninggalkan Solat Fardu

TINGKATAN / JANTINA	SMU(A) YIK		SMK. KPM	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Ting. Per.	4	10	0	0
Tingkatan 1	10	12	11	7
Tingkatan 2	4	5	6	14
Tingkatan 3	6	6	9	14
Tingkatan 4	3	9	6	13
Tingkatan 5	0	0	0	7
Ting. 6 Ren.	6	6	3	7
Ting. 6 Atas	2	2	6	7
JUMLAH	35 (17.9 %)	50(25.6%)	41(21 %)	69 (35.4 %)
		85		110

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas merupakan pecahan dari jadual 6 yang menerangkan bahawa malas adalah sebab utama para pelajar meninggalkan Solat Fardu berbanding alasan – alasan yang lain .

Berdasarkan kepada kenyataan yang ditunjukkan di atas adalah jelas bahawa peratusan pelajar perempuan yang meninggalkan Solat Fardu kerana malas adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki . Buktinya ialah pelajar- pelajar perempuan yang menuntut di kedua- dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah YIK dan Sekolah Menengah Kementerian menunjukkan angka yang lebih tinggi berbanding pelajar - pelajar lelaki . Kenyataan ini mendedahkan kepada kita bahawa pelajar lelaki mempunyai tahap kesedaran diri yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan dalam hal menunaikan Solat Fardu .

Sementara itu , pelajar- pelajar yang berada di antara Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 lebih banyak meninggalkan Solat Fardu dengan sebab yang sama berbanding pelajar – pelajar yang berada di Tingkatan 4 hingga Tingkatan 6 . Kenyataan ini menunjukkan bahawa tahap pengabaian Solat Fardu pada peringkat awal remaja adalah lebih serius berbanding pelajar - pelajar yang berada di peringkat pertengahan atau akhir remaja . Justeru , adalah tepat sekiranya Rasulullah S.A.W. memerintahkan setiap ibubapa agar memukul anak-anak yang tidak mendirikan solat setelah mereka berusia 10 tahun . Hal ini menunjukan bahawa proses pembentukan diri remaja supaya mereka mentaati perintah agama hendaklah dimulai seawal yang mungkin sebelum mereka melangkah ke alam remaja .

Secara perbandingan pula ,didapati pelajar- pelajar sekolah menengah biasa lebih ramai meninggalkan Solat Fardu kerana malas berbanding pelajar – pelajar sekolah menengah agama . Kenyataan ini menunjukkan bahawa

sistem pendidikan agama yang dipraktikkan di sekolah agama adalah lebih berjaya untuk melahirkan pelajar-pelajar yang taat kepada perintah agama sebagaimana kata seorang penulis buku pendidikan "Tujuan pendidikan moral atau Pengetahuan Agama Islam disediakan adalah untuk meninggikan taraf akhlak serta keteguhan iman seseorang murid ".¹⁶ Dengan demikian , adalah jelas bahawa kewujudan ramai pelajar yang meninggalkan Solat Fardu di sekolah menengah adalah lebih berkaitrapat dengan sistem dan corak pendidikan yang mereka terima di sekolah-sekolah mereka .

Jadual 14 : Sikap remaja sebagai satu faktor mereka mengabaikan solat

BIL.	Sikap remaja adalah faktor pengabaian solat	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Ya	225	220	445
2.	Tidak	10	7	17
JUMLAH		235(50.9 %)	227(49.1 %)	462(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan pendapat responden tentang sikap seseorang remaja yang dianggap sebagai satu faktor mereka mengabaikan solat atau pun tidak . Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas didapati sebanyak 445 orang menyatakan bahawa sikap remaja sendiri adalah faktor utama mereka meninggalkan solat . Manakala sebanyak 17 orang menyatakan sikap remaja bukanlah satu faktor mereka meninggalkan solat .

¹⁶ Ee Ah Meng (1995) . *Pendidikan Sebagai Suatu Proses Asas Pendidikan I* , Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. , h. 21.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas , penulis bersetuju dengan kenyataan para pelajar bahawa sikap remaja sendiri adalah faktor utama mereka tidak menuaikan solat . Dalam hal ini , penulis tidak bersetuju dengan pendapat sesetengah pihak yang berpendapat bahawa ibubapa adalah orang yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam kes pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja sekolah .

Apa yang dapat kita saksikan ialah kebanyakan ibubapa telah pun menjalankan tanggungjawab mereka untuk memastikan anak- anak mereka mengerjakan solat tetapi anak- anak mereka masih tidak menuaikan solat . Oleh itu , pihak ibubapa tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya sebaliknya sikap remaja itu sendiri yang perlu dipertikaikan kerana mereka tidak mahu mengerjakan solat meskipun ibubapa dan guru- guru mereka telah pun memberi tunjuk ajar agar mereka mengerjakan Solat Fardu .

Jadual 15 : Cadangan ke arah menyelesaikan masalah pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja sekolah

BIL.	Cadangan menyelesaikan masalah pengabaian solat	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Beri nasihat	176	151	327
2.	Mengenakan tindakan disiplin	56	67	123
3.	Lain – lain	6	9	15
JUMLAH		238(51.2 %)	227(48.8 %)	465(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan pendapat responden untuk menyelesaikan masalah pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja sekolah .Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas didapati sebanyak 327 orang pelajar berpendapat agar nasihat diberikan kepada para pelajar yang mengabaikan solat . Manakala sebanyak 123 orang pelajar berpendapat agar tindakan disiplin dikenakan terhadap pelajar yang mengabaikan solat dan sebanyak 15 orang berpendapat supaya tidak dikenakan apa – apa tindakan kepada para pelajar yang mengabaikan solat .

Berdasarkan kepada kenyataaan di atas , penulis bersetuju dengan pendapat para pelajar yang mencadangkan agar nasihat diberikan kepada para pelajar yang mengabaikan solat . Namun , penulis berpendapat tindakan nasihat ini hanyalah sesuai sekiranya para pelajar meninggalkan solat

untuk kali yang pertama sahaja . Sekiranya mereka terus - menerus meninggalkan solat maka hukuman yang lebih tegas hendaklah dikenakan ke atas mereka . Dalam hal ini , penulis lebih bersetuju dengan saranan para pelajar yang mencadangkan agar tindakan disiplin dikenakan tetapi mestilah menurut cara - cara yang paling sesuai agar hukuman yang dikenakan itu boleh mendatangkan keinsafan kepada para pelajar untuk mengerjakan Solat Fardu .

Di samping itu , penulis berpendapat hukuman yang bakal dilaksanakan itu tidaklah berbentuk hukuman secara fizikal sahaja seperti merotan para pelajar yang tidak mengerjakan solat malah hukuman yang hendak dilaksanakan itu juga mestilah menjurus kepada cara - cara mereka mempraktikan solat itu sendiri iaitu sebagai satu pengajaran kepada mereka pada masa -masa yang seterusnya .

4.3.4 KESAN –KESAN MENINGGALKAN SOLAT

Jadual 1 ; Kesan- kesan meninggalkan solat .

BIL.	Kesan - kesan meninggalkan solat .	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Benar	231	219	450
2.	Tidak benar	7	8	15
	JUMLAH	238(51.2 %)	227 (48.8 %)	465 (100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan pendapat responden tentang suatu kenyataan yang berkaitan dengan masalah pengabaian Solat Fardu sama ada benar atau pun tidak . Berdasarkan kepada kenyataan yang di berikan di atas , didapati sebanyak 450 orang responden mengakui bahawa perbuatan meninggalkan Solat Fardu mendatangkan banyak kesan – kesan negatif kepada seseorang pelajar manakala sebanyak 15 orang pelajar bependapat bahawa kenyataan yang disebutkan adalah tidak benar .

Kenyataan di atas secara umumnya memperlihatkan kepada kita tentang sikap dan mentaliti segelintir pelajar dalam menilai kes pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja Islam . Berdasarkan kepada jawapan yang diberikan di atas didapati kebanyakan pelajar bersetuju bahawa perbuatan mengabaikan Solat

Fardu meninggalkan banyak kesan – kesan negatif kepada diri seseorang remaja yang tidak mengerjakan Solat Fardu .

Apa yang sebenarnya , kenyataan yang disebutkan ini tidak perlu diperjelaskan lagi kerana Allah S.W.T. sendiri telah menyatakan bahawa di antara tujuan disyariatkan ibadat solat adalah untuk memelihara nafri manusia dari melakukan perkara – perkara kejahatan . Oleh yang demikian , kita tidak menafikan bahawa berlakunya pelbagai kes salah laku di kalangan remaja sekolah pada ketika ini adalah sebahagiannya berpunca dari sikap mereka yang tidak memelihara dan mengerjakan Solat Fardu .

Adapun para pelajar yang menyatakan bahawa perbuatan meninggalkan solat fardu tidak mendatangkan apa – apa kesan negatif kepada seseorang remaja yang meninggalkan solat , maka penulis dapat andaikan bahawa pelajar - pelajar tersebut tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam soal- soal yang berkaitan dengan ibadat solat .

Jadual 2 : Perbezaan di antara mendirikan dan meninggalkan solat

BIL.	Perbezaan di antara mendirikan solat dan meninggalkan solat	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Ya	218	210	428
2.	Tidak	20	16	36
JUMLAH		238(51.3 %)	226(48.7 %)	464(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan pandangan responden tentang situasi diri mereka sewaktu mendirikan solat dan ketika meninggalkan solat .Berdasarkan kepada kenyataan di atas , didapati sebanyak 428 orang mengaku bahawa wujudnya perbezaan di dalam jiwa mereka sewaktu mereka mendirikan solat dan ketika mereka meninggalkan solat manakala sebanyak 36 orang berpendapat bahawa tidak terdapat apa – apa perbezaan di dalam jiwa mereka sama ada sewaktu mereka mendirikan solat atau pun ketika mereka meninggalkan solat .

Berdasarkan kepada kenyataan di atas , penulis dapat membandingkan situasi – situasi yang berbeza di antara pelajar- pelajar yang mendirikan solat dan pelajar – pelajar yang meninggalkan solat serta kesan – kesan solat terhadap diri mereka . Pada pendapat penulis , para pelajar yang menyatakan bahawa mereka dapat merasai sesuatu apabila mereka mendirikan solat atau ketika meninggalkan solat adalah merujuk kepada sejauhmana sifat

keikhlasan yang wujud di dalam diri mereka sewaktu mereka mengerjakan solat.

Dalam hal ini , penulis tidak menafikan bahawa seseorang remaja Islam yang mengerjakan Solat Fardu kerana Allah Ta'ala semata – mata maka solat yang dikerjakan itu akan memberi kesan yang cukup besar kepada jiwanya . Sebaliknya , seseorang remaja yang mengerjakan Solat Fardu hanya sekadar memenuhi syarat sahaja seperti melepaskan batuk di tangga maka sudah pasti solat yang dikerjakannya itu tidak akan memberi apa – apa kesan kepada jiwanya .

Jadual 3 : Perasaan apabila meninggalkan solat

BIL.	Perasaan apabila meninggalkan solat	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Rasa bersalah	223	206	429
2.	Rasa biasa	10	10	20
3.	Tidak ada apa-apa	2	10	12
4.	Lain- lain	2	0	2
JUMLAH		237(51.2 %)	226(48.8 %)	463(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan perasaan seseorang pelajar apabila meninggalkan solat . Berdasarkan kepada kenyataan di atas didapati sebanyak

429 orang menyatakan mereka rasa bersalah apabila meninggalkan solat . Manakala sebanyak 20 orang menyatakan mereka rasa biasa apabila meninggalkan solat dan sebanyak 12 orang menyatakan bahawa mereka tidak merasa apa – apa apabila meninggalkan solat .

Berdasarkan kepada kenyataan di atas , dapat dirumuskan bahawa kebanyakan pelajar merasa bersalah apabila mereka meninggalkan solat . Kenyataan ini menunjukkan mereka sedar dan tahu bahawa perbuatan meninggalkan solat adalah suatu kesalahan yang besar di sisi Agama Islam . Adapun para pelajar yang menjelaskan bahawa mereka tidak merasa apa – apa apabila meninggalkan solat maka hal ini menunjukkan mereka tidak merasa berdosa dan bersalah kerana meninggalkan solat . Apa yang nyata sikap yang seumpama ini menunjukkan tentang kedangkalan dan kejahilan diri mereka dalam hal- hal yang berkaitan dengan suruhan dan larangan Allah Ta‘ala .

Jadual 4 : Keazaman apabila meninggalkan solat

BIL.	Keazaman apabila meninggalkan solat	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Bertaubat	131	84	215
2.	Memperbaiki diri	89	111	200
3.	Mendalamai agama	17	29	46
JUMLAH		237(51.4 %)	224(48.6 %)	461(100 %)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan keazaman seseorang pelajar apabila mereka meninggalkan solat . Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas didapati sebanyak 215 orang pelajar ingin bertaubat kepada Allah manakala sebanyak 200 orang ingin memperbaiki diri dan sebanyak 46 orang ingin mendalami ilmu agama.

Secara umumnya , didapati kebanyakan pelajar ingin melakukan sesuatu yang terbaik kepada diri mereka setelah mereka meninggalkan solat . Pada pendapat penulis , bertaubat kepada Allah adalah sebaik- baik jalan dan cara untuk mendapatkan keampunan dan *maghfirah* di sisi Allah Ta'ala sekiranya seseorang meninggalkan solat . Namun demikian , dengan hanya bertaubat semata – mata tanpa disertai dengan perbuatan- perbuatan yang ma'ruf maka taubat tersebut tidak ada erti nyata dan tidak memberikan kesan yang besar kepada diri seseorang yang meninggalkan solat . Justeru , di samping bertaubat maka seseorang itu hendaklah sentiasa memperbaiki diri dari masa ke semasa dengan cara menghadakan semula solat – solat yang ditinggalkan serta mendalami ilmu agama agar taubat yang dilakukan itu akan diterima di sisi Allah Ta'ala .

Jadual 5 : Sikap remaja apabila terdapat seseorang yang tidak bersolat .

BIL.	Sikap remaja apabila terdapat seseorang yang tidak bersolat	SMU (A) YIK	SMK. KPM	JUMLAH
1.	Beri nasihat	194	177	371
2.	Tidak berbuat apa- apa	35	44	79
3.	Lain- lain	10	4	14
JUMLAH		239(51.5 %)	225(48.5 %)	464 (100%)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan sikap seseorang pelajar apabila terdapat seseorang yang tidak bersolat . Berdasarkan kepada angka yang ditunjukkan di atas didapati sebanyak 371 orang ingin memberi nasihat kepada orang yang tidak mengerjakan solat manakala sebanyak 79 orang tidak berbuat apa – apa tindakan terhadap orang yang tidak mengerjakan solat .

Kenyataan di atas secara umumnya merumuskan kepada kita bahawa kebanyakan pelajar Islam mempunyai rasa tanggungjawab untuk memberi kesedaran kepada orang yang tidak mengerjakan solat . Kenyataan ini menunjukkan bahawa mereka mengambilberat terhadap urusan orang lain berdasarkan kepada prinsip bahawa seseorang muslim mestilah menyuruh seseorang yang lain mengerjakan kebaikan dan melarang mereka dari mengerjakan kejahanatan .

Di samping itu , sikap sesetengah pelajar yang menyatakan bahawa mereka tidak berbuat apa – apa tindakan apabila terdapat orang yang tidak mengerjakan solat maka hal ini mencerminkan sikap diri mereka yang tidak mengambil berat tentang urusan agama bahkan lebih dari itu mereka sebenarnya lebih mementingkan diri sendiri dari kepentingan agama . Jelasnya , sikap yang seperti ini sangatlah dicela oleh Agama Islam sedangkan Syariat Islam menuntut agar seseorang individu saling memberi nasihat di antara satu sama lain untuk memperbetulkan setiap kepincangan yang wujud di dalam masyarakat .

Secara perbandingan pula , didapati bahawa pelajar - pelajar dari sekolah agama lebih prihatin tentang masalah pengabaian Solat Fardu berbanding pelajar – pelajar sekolah menengah . Buktinya ialah ramai di antara mereka yang ingin memberi nasihat kepada orang - orang yang tidak mengerjakan solat . Kenyataan ini menunjukkan bahawa pelajar - pelajar sekolah agama lebih memahami kewajipan mereka yang mestи menyampaikan seruan Islam kepada orang lain .